

23/10/1997

2 buku dianggap tidak bermanfaat

Fazli Arman

KANGAR, Rabu - Pihak berkuasa diminta bertindak ke atas penerbitan dua buku mengenai hubungan pucuk kepimpinan negara dan mufti kerana ia boleh menimbulkan perbalahan dan fitnah di kalangan umat Islam.

Kajian dijalankan jawatankuasa khas yang ditubuhkan atas arahan kerajaan negeri mendapati buku itu boleh merenggangkan hubungan dan melaga-lagakan ulama dan pemimpin politik negara.

Buku terbabit, masing-masing bertajuk Mufti Lawan Mahathir dan Anwar Terjerat, tulisan Ahmad Lutfi Othman, dikatakan tidak sesuai dibaca masyarakat umum.

Mufti Datuk Mat Jaya Husin, berkata ini kerana buku berkenaan memuatkan unsur mendedahkan keaiban seseorang sedangkan umat Islam disuruh melindungi keaiban sesama mereka.

Beliau berkata, sumber rujukan dan maklumat kedua-dua buku itu meragukan menyebabkan hujah yang dikemukakan tidak kukuh.

"Buku berkenaan tidak mendatangkan faedah kepada pembaca, sebaliknya akan menimbulkan keraguan dan prasangka yang tidak baik," katanya, di sini, hari ini.

Hasil kajian itu yang dibentangkan dalam mesyuarat Exco yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, menerima pakai laporan itu.

Antara ilmuan dan ulama yang menganggotai jawatankuasa khas itu ialah Mat Jaya; Dr Arshad Taib; Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis, Mohd Sukri Hussain; Fatah Yassin Mohd Said; Abdul Malik Hussain; Ghazali Montak; Nizamuddin Zakaria dan Hashim Othman.

Baru-baru ini, umat Islam negara ini heboh memperkatakan mengenai percanggahan pendapat antara pucuk kepimpinan negara dan ulama tetapi perkara itu sudah diselesaikan.

Mat Jaya berkata, Shahidan yang mendapat buku terbabit mengarahkan beliau menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji kandungan buku berkenaan, dua minggu lalu.

Beliau berkata, kedua-dua buku terbabit lebih bersifat komersil daripada memberi faedah dan membaiki keadaan.

Katanya, ada beberapa kesilapan dalam penulisan ayat al-Quran dan hadis serta terjemahan maknanya tidak lengkap dalam buku terbitan Pemuda yang beralamat di Jalan Dewan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur itu.

(END)